

Norulashikin Jamain

Muka surat 1/8

Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara
(NORA)

Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara
(NORA)

DALAM PENCARIAN

Norulashikin Jamain

Diterbitkan dalam Berita Minggu, 1 Mar 1981.

Untuk kebenaran mencetak, muat turun, mengeluarkan ulang atau untuk menggunakan karya ini,
sila klik di sini:

Norulashikin_JAMAIN@nlb.gov.sg

Nota: Susunan isi kandungan dan format adalah seperti yang diterima daripada pengarang.

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

Cerpen: Dalam Pencarian**Karya: Norulashikin Jamain**

Halim menutup failnya. Malam itu hatinya tidak setenang bayu yang bertiup di luar. Bilik itu begitu sepi. Malah semua ruang dalam rumah itu begitu sunyi dirasakan. Tapi hatinya pula berkocak dan tidak tenteram. Kesunyian tidak dapat mengembalikan ketenangan dirinya. Malah menyesakkan dadanya.

Malam masih awal untuk dia memeluk guling dan bantal. Tapi waktu sudah terlalu lewat pula untuk dia keluar mengambil angin. Kekosongan begini sering melontarkan dirinya pada ketiadaan pegangan dan kepercayaan pada prinsip hidupnya. Halim menyedari ketidakmampuannya mengatasi kebosanan yang selalu menyerangnya.

Sejak dia sekeluarga tinggal di rumah itu kira-kira lima tahun yang lalu, dia mengenal hidup ini sebagai dunia yang sunyi dan menyendiri. Kosong. Seolah-olah dia menjadi penghuni tunggal dalam rumah batu dua tingkat itu. Keramahan dari dua orang tuanya jauh sekali. Malah, kehadiran mereka dalam rumah itu hanyalah sebagai penanda waktu. Pagi, mereka bersarapan bersama. Dan malam, jika kebetulan ayah dan ibunya ada di rumah, mereka makan bersama juga. Perbualan hanya pada dua waktu ini. Lepas itu, dia kembali menjadi manusia bisu.

Halim bangun lalu menuju ke ruang tamu. Rumah itu terlalu besar untuk mereka bertiga. Dan barang-barang di sini terlalu mewah jika hanya untuk kegunaan seorang ayah, seorang ibu, dan seorang anak lelaki yang belum beristeri. Tapi apakah ada pada ini semua? Kekosongan hati ini tidak dapat diisi oleh barang-barang ini. Dia tiba-tiba berasa lemas sendiri.

Halim menyandarkan tubuhnya di kerusi. Barang-barang yang menghiasi ruang tamu itu dilihatnya begitu kaku dan sombong. Tapi terpaksa juga dia akui bahawa inilah teman-temannya setiap malam bila ayah dan ibunya belum pulang. Teman-teman yang bisu. Tapi baik. Tidak pernah menjadi pengacau semasa dia mengulang kaji pelajarannya. Tapi tentunya dia juga perlukan teman-teman untuk berbincang. Keterasingan begini tidak akan menjadikan dia cerdas. Sebaliknya akan menambah kebodohnya.

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

Peperiksaan hanya tinggal dua minggu lagi. Dia perlu lebih banyak mengulang kaji pelajarannya. Tahun akhir ini adalah tahun penentu jaya tidaknya perjuangannya di universiti.

Dua tahun yang lalu dia berjaya menghadapi peperiksaan dengan cukup tenang. Segala kemudahan yang disediakan di rumah digunakan dengan sepenuhnya. Tapi tahun ini, ketenangan itu seperti masih jauh darinya. Entahlah! Dia sekarang seperti kehilangan lampu suluh di waktu gelap. Rupa-rupanya, tiga tahun di universiti telah membentuk dirinya menjadi seorang pemikir yang tiba-tiba sedar akan kesilapannya. Dia sedang mencari sesuatu. Mencari dirinya.

Dirinyakah yang belum lengkap untuk menghadapi dunia ini dengan tenang? Seorang mahasiswa yang mementingkan kewajaran fikiran dan sikap tentu tidak seharusnya dilamun kegoyangan pegangan. Tapi, kenapa dia masih tidak mampu menghadapi tekanan peperiksaan dengan segala ketenangan? Di mana letaknya pendiriannya sekarang?

Halim mengalihkan matanya pada gambar-gambar yang menghiasi dinding rumahnya. Satu persatu gambar-gambar itu diperhatikan. Aneh! Keluarganya beragama Islam, tapi tidak menyimpan satu pun gambar yang mencerminkan kecintaan terhadap Islam. Semua gambar-gambar di situ adalah lukisan-lukisan pemandangan yang amat diminati oleh ayahnya. Halim tiba-tiba berasa dia seperti berada di rumah sebuah keluarga asing. Kenapa baru sekarang dia merasakan keterasingan itu?

Dia sedar. Sejak dia sering berulang-alik ke rumah Hamid itulah dia semakin berubah. Hatinya jadi lebih tenteram dan tenang bila berada di rumah Hamid, bermesra dengan keluarga Hamid. Matanya jadi lebih sejuk melihat tulisan-tulisan Jawi yang terukir di balik kaca perhiasan di dinding rumah Hamid. Entah kenapa, dia kian gemar merapati Hamid dan keluarganya daripada ayah dan ibunya sendiri.

Dulu, dia tidak pernah percaya ada soal lain yang lebih penting daripada kekayaan dan kepandaian. Sikapnya tegas. Dia percaya. Dia akan mencapai kejayaan dalam hidupnya seperti ayahnya juga. Dia akan memiliki taraf pelajaran yang tinggi, malah

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

kalau boleh lebih tinggi daripada ayahnya. Dia mungkin jadi seorang pegawai yang lebih tinggi pangkatnya daripada ayahnya.

Kemudahan untuk belajar sudah disediakan oleh ayahnya. Apa lagi yang dia mahu? Dia ada bilik belajar. Dia ada kereta. Dia diberi perbelanjaan yang lebih dari cukup setiap bulan. Dia diberikan galakan yang tidak habis-habis oleh ayah dan ibunya supaya dia belajar, belajar dan terus belajar.

Tapi, ini semua tidak disempurnakan dengan satu soal lain yang bukan kecil. Pelajaran rohani untuknya tidak ada. Tidak ada langsung sejak dia kecil. Sejak dia mahu belajar banyak perkara. Kekontangan itu telah diwariskan oleh orang tuanya kepadanya. Kedua orang tuanya boleh dianggap manusia yang amat jahil dalam soal-soal agama. Dia tidak tahu, entah sudah berapa keturunan sebelum kelahirannya yang mewarisi kejahilan itu.

Dia amat malu pada Hamid. Hamid yang datang dari keluarga sederhana tidak lebih pintar daripadanya dalam pelajaran. Tapi Hamid lebih faham soal-soal agama. Hamid berjaya mengimbangi kedua jenis pelajaran itu. Tidak seperti dia. Dia kini sudah terlalu jauh ke satu sudut. Apakah dia dapat mengejar Hamid? Atau dapatkah Hamid menariknya hingga ke titik tengah?

Halim menyesali pengalamannya yang lalu. Pengalaman yang membawanya ke dunia cetek dan sempit. Dia inginkan kepastian dari dirinya sendiri. Dia tidak mahu jadi pak turut pada sikap ayah dan ibunya. Dia mahu hidup yang lebih bererti. Hidup yang tenang dan puas.

Halim tiba-tiba bangun dari kerusi dan terus menuju ke tempat telefon. Jari telunjuknya menekan butang-butang tertentu.

“Helo!” Suara dari jauh menyahut.

“Helo, Hamid ada di rumah?” Halim menyoal.

“Hamid? Hamid ada. Tapi...er, sebentar ya!”

Senyap. Halim terpaksa menunggu. Apa dibuatnya?

“Helo!” Suara itu muncul lagi.

“Helo!” Sambut Halim.

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

“Hamid masih dalam biliknya. Sembahyang...”

“Sembahyang?” Halim seperti terkejut dari tidur.

“Ya, telefon lagi nanti, boleh?”

“Er, baiklah. Terima kasih!”

Halim beredar dan masuk ke biliknya. Dia jadi menyesal menelefon Hamid di waktu itu. Kebosanan terus menggigit-gigit tangkai hatinya. Malas rasanya untuk membuka fail. Padahal banyak lagi tajuk yang belum disentuh. Halim merebahkan tubuhnya di atas katil.

Malam kian memanjangkan ekornya. Ayah dan ibunya masih belum pulang. Tidak selalu mereka selewat ini. Biasanya salah satu di antara mereka sudah tiba di rumah di saat-saat seperti itu.

“Lim, kau seperti sedang memikirkan sesuatu?”

Soalan Hamid semasa pertemuannya dengan Halim beberapa bulan yang lalu menyentuh ingatannya.

“Aku sedang memikirkan tentang kata-katamu tempoh hari bahawa diri manusia itu menerima dua pengaruh yang kuat. Pengaruh keadaan sekeliling dan pengaruh kekuatan dirinya sendiri.” Halim menimbulkan perbincangan.

Hamid memang gemar berbincang tentang Sosiologi. Itu subjek besar yang diambilnya.

Hamid duduk dekat dengan Halim.

“Pengaruh sekeliling, terutamanya keluarga, adalah faktor utama yang membentuk diri manusia di waktu kecilnya.” Hamid menjelaskan.

“Dan bila besar, manusia itu lebih berupaya melawan pengaruh sekeliling dengan kekuatan hati dan akalunya. Begitu maksudmu?” Halim menyoal.

“Bukan melawan. Tapi menapis faktor-faktor luar itu agar apa yang diterima hanyalah yang sesuai dengan sikap yang ingin dibentuk.”

Tapi Mid, sekalipun seseorang itu sudah dewasa, sikap yang mahu dibentuk itu tetap berlandaskan nilai-nilai yang sudah disemai sejak kecil.”

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

“Kau salah, Lim. Setiap manusia yang sudah dewasa mampu memilih jalannya sendiri, walaupun jalan itu menyalahi undang-undang yang sudah ditetapkan oleh keluarganya.”

Halim kelihatan ragu-ragu menerima pendapat Hamid. Baginya, ikatan kekeluargaan dalam diri seseorang amat kuat dan sulit untuk dihapuskan. Lihat saja dirinya. Pengaruh keluargalah yang membuat dia maju ke depan. Tapi pengaruh itulah juga yang membutakan hatinya tentang agama.

“Aku tetap percaya Mid, kau tidak akan jadi alim macam sekarang ini, kalau ayah dan ibu kau tidak mengenalkan agama pada kau waktu kau kecil dulu.”

Wajah Hamid tetap tenang. Dia cuma tersenyum.

“Pendapatmu kurang tepat, Lim.”

“Bukankah agama dianuti kerana keturunan?” Soal Halim.

“Tidak. Padaku, pendidikan agama waktu kecil hanyalah pembuka jalan untuk penerokaan yang lebih luas waktu dewasa nanti. Keturunan adalah alat peralihan, bukan sebab.”

Wajah Halim yang tersenyum sebentar tadi tiba-tiba serius. Dia cuba mencari kebenaran kata-kata Hamid.

“Kau seharusnya memikirkan soal ini lebih mendalam, Lim. Agama adalah faktor yang melengkapinya kedewasaan kita. Kita memerlukan pimpinan agama dalam membezakan yang baik dan yang buruk.” Sambung Hamid lagi.

“Tapi Mid, bukankah seseorang itu boleh menggunakan kesedaran dan kematangan berfikir dalam membuat sebarang pemilihan. Kematangan itu akan datang dengan sendirinya menurut usia, dan kematangan inilah yang mendewasakan kita.” Ujar Halim, tetap mempertahankan pandangannya.

“Soalnya Lim, kematangan itu sendiri memerlukan panduan. Pemilihan yang dibuat berdasarkan kesedaran duniawi semata-mata akan menjadikan kita tamak dan tidak pernah puas.”

Hangat benar perbincangan mereka pada hari yang sudah jauh perginya itu. Tapi persoalan yang ditimbulkan Hamid masih terang bersinar dalam benak Halim.

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

Halim melihat jam di dinding. Sudah pukul sepuluh malam. Ayah dan ibunya masih lagi di luar rumah. Angin yang mengibarkan langsir jendela terasa dingin. Halim bangun dan menutup jendela.

Teringat dia untuk menelefon Hamid. Tapi dibatalkan, kerana waktu sudah terlalu lewat. Mungkin Hamid sudah masuk tidur.

Antara dia dan Hamid seperti ada tabir tipis yang masih menghalang persamaan sikap. Tabir itu sudah menggantikan tembok tebal yang terbina beberapa tahun yang lalu. Rupa-rupanya, persahabatan yang terjalin agak lama telah banyak mengikis ketebalan itu.

“Aku harus menghormati mereka, Mid. Mereka adalah pendidikku sejak kecil.” Dia menyuarakan sikapnya pada Hamid hari Ahad lalu di rumah Hamid.

“Itu adalah tanggungjawab kita sebagai anak, Lim. Tapi penghormatan bukan bererti penerimaan bulat-bulat terhadap sikap mereka. Kau mesti berusaha sendiri mencari kebenaran,” tegas Hamid.

“Aku ragu akan kebolehanku, Mid. Aku rasa, melakukan sesuatu yang menyalahi kelumrahan mereka adalah satu penentangan.” Halim lemas dengan kata-katanya sendiri.

“Di mana ketegasan dirimu, Lim? Kau seperti takut menghadapi perubahan. Atau kau masih menganggap agama itu tidak penting?”

Entah, dia tidak tahu apakah begitu sikapnya.

Dia masih dalam pencarian. Hamid telah menunjukkan sebatang jalan yang tidak pernah dilalui sebelumnya. Suatu jalan yang masih asing baginya.

“Halim! Halim! Buka pintu ini!” Panggilan ibunya dari luar, disertai dengan ketukan pintu, tiba-tiba menyerang telinganya.

Halim bergegas ke pintu. Pintu dibuka.

“Eh, ayah pun ada sama!” Kata Halim hairan bila melihat ayahnya berdiri tegak di belakang ibunya.

“Kau dah makan?” Ibunya menurunkan tudung yang sejak tadi terlekat di kepala. Halim menuruti pergerakan tudung itu dengan mata yang agak hairan.

“Dah...” Jawabnya.

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

“Ayah terlupa nak beritahu kau, Lim. Ayah dan ibu kau balik lambat sikit malam ini,” jelas ayahnya.

“Ke mana ayah dan ibu tadi?” Soal Halim.

“Ke surau. Belajar agama dengan Ustaz Kasim.”

TAMAT

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.